

HELAIAN KETERANGAN PRODUK

(Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai "IKHLAS Idaman". Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am).

TAKAFUL IKHLAS FAMILY BERHAD

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

IKHLAS IDAMAN

Tarikh: [Quotation Date]

1) Produk apakah ini?

Ini adalah pelan Takaful keluarga berkumpulan dengan Sumbangan Takaful berkala untuk pekerja Syarikat atau ahli-ahli Persatuan yang direka khas untuk menyediakan perlindungan untuk kejadian yang tidak diingini yang berlaku kepada Orang Yang Dilindungi sebelum Sijil Takaful matang. Apabila berlaku musibah tersebut, pihak Syarikat akan membayar Amaun Perlindungan kepada Orang Yang Dilindungi/ benefisiari, jika Orang Yang Dilindungi telah membayar Sumbangan Takaful untuk perlindungannya, sebaliknya kepada Peserta Takaful Induk.

Pelan ini juga mempunyai elemen simpanan dan manfaat takaful boleh dilanjutkan kepada pasangan dan tanggungan kepada Orang Yang Dilindungi.

Nota: "pihak Syarikat" merujuk kepada Takaful Ikhlas Family Berhad.

2) Apakah konsep-konsep Shariah yang diguna pakai?

- Tabarru'** – merujuk kepada sumbangan oleh Peserta Takaful Induk/ Orang Yang Dilindungi ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Peserta Takaful Induk/ Orang Yang Dilindungi atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.
- Wakalah** – merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (*muwakkil*) membenarkan pihak lain sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (*wakil*) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan Yuran Wakalah (*Ujrah*) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

3) Apakah perlindungan-perlindungan/ manfaat-manfaat yang ditawarkan?

i) Manfaat Asas

Manfaat Takaful	Penerangan	Catatan
Manfaat Kematian – Akibat Semua sebab	Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus.	Manfaat ini diguna pakai

ii) Manfaat Tambahan

Manfaat Takaful	Penerangan	Catatan
Manfaat Kematian - Akibat Kemalangan	Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) – Akibat Semua Sebab	Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]

Manfaat Hilang Upaya Separa Kekal (PPD) – Akibat Kemalangan	Rujuk Jadual Pampasan untuk butiran manfaat-manfaat.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Penyakit Kritikal (CI) – Dipercepatkan	Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus dan tertakluk kepada tempoh menunggu.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Hospital (HB)	Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital, manfaat hospital harian akan dibayar.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Perbelanjaan Serta-merta Kematian (IDE)	Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia, Perbelanjaan Serta-merta Kematian akan dibayar.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Pembayaran Balik Perubatan Pesakit Luar (OMRB)	Sekiranya Orang Yang Dilindungi dirawat sebagai Pesakit Luar akibat kemalangan, manfaat pembayaran balik akan dibayar.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan Utama (MADD) <ul style="list-style-type: none"> • Indemniti Berganda apabila berlaku kematian ketika menaiki kenderaan awam • Yuran Ambulan • Ragut • Pampasan akibat Trauma Dirogol 	<p>Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan semasa dalam perjalanan yang menggunakan pengangkutan awam sebagai penumpang yang membayar tambang, Amaun Perlindungan akan dibayar.</p> <p>Pembayaran balik yuran sebenar untuk perkhidmatan ambulan, akan dibayar sekiranya berlaku kemalangan.</p> <p>Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus.</p> <p>Amaun Perlindungan akan dibayar sekaligus sebagai pampasan.</p>	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]
Manfaat Keadaan Utama Kemasukan ke Hospital (MIC) <ul style="list-style-type: none"> • Keadaan Utama Kemasukan ke Hospital 	Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital Kerajaan atau pusat perubatan/ Hospital berdaftar untuk jangka waktu minimum lima (5) hari berturut-turut bagi hospital yang mengenakan caj harian untuk bilik dan penginapan, manfaat MIC sekaligus akan dibayar.	[Manfaat ini diguna pakai/ Manfaat ini tidak diguna pakai]

	<ul style="list-style-type: none"> Pendapatan Harian Unit Rawatan Rapi (ICU) 	<p>Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital di Unit Rawatan Rapi (ICU) termasuk Unit Penjagaan Koronari (CCU) atau Unit Dependensi Tinggi (HDU) atau Unit Rawatan Intensif Kanak-Kanak (PICU) di Hospital Kerajaan atau pusat perubatan / Hospital berdaftar untuk tempoh sekurang-kurangnya enam (6) jam dari cadangan oleh Doktor, manfaat pendapatan harian ICU akan dibayar bagi hospital yang mengenakan caj harian untuk bilik dan penginapan.</p>	
--	---------------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

Nota: Sila rujuk Jadual Manfaat untuk Amaun Perlindungan.

iii) Senarai 36 Penyakit Kritikal yang dilindungi adalah seperti di bawah (jika diguna pakai):

Senarai 36 Penyakit Kritikal

1	Strok/Angin Ahmar – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan	19	Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang
2	Serangan Jantung – keterangan tertentu	20	Hilang Keupayaan Bertutur
3	Kegagalan Buah Pinggang – memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang	21	Pembedahan Otak
4	Kanser – keterangan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal	22	Pembedahan Injap Jantung
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23	Kehilangan upaya hidup sendiri (berdikari)
6	Penyakit Arteri Koronari Serius	24	Meningitis Bakteria – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
7	Angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari	25	Trauma Kepala Major (teruk) – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	26	Anemia Aplastik Kronik – mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang
9	Hepatitis Viral Fulminan	27	Penyakit Neuron Motor – defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan
10	Koma – mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan	28	Penyakit Parkinson – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian
11	Tumor Otak Benign – keterangan tertentu	29	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
12	Kelumpuhan Anggota	30	Distrofi Otot
13	Buta – Kekal dan Tidak boleh Pulih	31	Pembedahan Aorta
14	Pekak – Kekal dan Tidak boleh pulih	32	Sklerosis Multipel
15	Kelecuran Tahap Ketiga – keterangan tertentu	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer – keterangan tertentu
16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Sistik Medular
17	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	35	Kardiomiopati – keterangan tertentu
18	Ensefalitis – mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian	36	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk

iv) Jadual Pampasan (jika diguna pakai)

Penerangan Kecederaan	Peratusan Pampasan
Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
Kehilangan sebelah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
Hilang:-	
a) Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b) Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c) Ibu Jari:	
i) kedua-dua ruas	25%
ii) satu ruas	10%
d) Jari telunjuk:	
i) ketiga-tiga ruas	10%
ii) dua ruas	8%
iii) satu ruas	4%
e) Jari tengah:	
i) ketiga-tiga ruas	6%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
f) Jari manis:	
i) ketiga-tiga ruas	5%
ii) dua ruas	4%
iii) satu ruas	2%
g) Jari kelingking:	
i) ketiga-tiga ruas	4%
ii) dua ruas	3%
iii) satu ruas	2%
h) Metacarpi:	
i) pertama atau kedua	3%
ii) ketiga, keempat atau kelima	2%
i) Jari kaki:	
i) kesemua jari sebelah kaki	15%
ii) kedua-dua ruas ibu jari kaki	5%
iii) satu ruas ibu jari kaki	2%
iv) selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap-tiap satu	1%

v) Pengeluaran Sebahagian Tunai

Pengeluaran sebahagian tunai dari amaun terkumpul di dalam Akaun Pelaburan Peribadi (PIA) dibenarkan apabila Sijil Takaful Individu mencapai tempoh minimum selama tiga (3) tahun. Untuk setiap Sijil Takaful Individu, hanya tiga (3) pengeluaran sahaja dibenarkan sepanjang hidup Orang Yang Dilindungi di mana jarak minimum di antara pengeluaran ialah tiga (3) tahun antara setiap pengeluaran. Amaun pengeluaran yang dibenarkan adalah tertakluk kepada maksimum tiga puluh peratus (30%) daripada PIA untuk satu-satu masa. Setiap pengeluaran adalah tertakluk kepada Yuran Pengurusan sehingga RM15.

vi) Serahan/ Matang/ Penamatan

Selepas penamatan Sijil Takaful Individu, PIA yang terkumpul, termasuk pendapatan pelaburan dari PIA dan lebihan boleh-agih bersih dari Dana Risiko, jika ada, akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi jika Orang Yang Dilindungi telah membayar Sumbangan Takaful untuk perlindungannya, sebaliknya kepada Peserta Takaful Induk.

Sila baca Sijil Takaful Induk untuk butiran lanjut mengenai manfaat-manfaat Takaful.

4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?

Amaun Sumbangan Takaful akan bergantung kepada bilangan unit yang dipilih.

Sila rujuk perkara berikut untuk keterangan lanjut:

- i) Sumbangan Takaful – **Lampiran I**
- ii) Jadual Manfaat

Sumbangan Takaful pembaharuan adalah TIDAK DIJAMIN dan pihak Syarikat berhak untuk menyemak kadar Sumbangan Takaful pada ulang tahun Sijil Takaful berikutnya berdasarkan pengalaman tuntutan untuk keseluruhan produk. Pihak Syarikat akan memberi tiga (3) bulan notis bertulis terdahulu kepada Peserta Takaful sekiranya berlaku penyemakan semula Sumbangan Takaful. Sumbangan Takaful boleh diubah sekiranya pengalaman tuntutan semakin meningkat. Terma dan syarat untuk perubahan ini adalah tidak terhad dan Sumbangan Takaful juga boleh disemak semula di atas alasan-alasan lain yang munasabah.

5) Apakah yuran-yuran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Yuran	Amaun
Yuran Wakalah	[WF%] dari Sumbangan Takaful atau RM [WF% x Takaful Contribution]
Yuran Penyerahan*	RM 50, akan ditolak daripada PIA
Yuran Penguatkuasaan Semula*	RM 15
Duti Setem	RM 10, setiap Sijil Takaful Induk
Yuran Pengeluaran Sebahagian Tunai*	RM 15, akan ditolak daripada PIA

*Nota: Sebarang cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia akan dikenakan ke atas Sumbangan Takaful pada kadar semasa kecuali dinyatakan sebaliknya.

6) Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu diketahui?

- a) Pendedahan maklumat – anda dikehendaki mendedahkan semua maklumat dan fakta seperti umur, pekerjaan dan keadaan kesihatan dengan betul. Pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak pembayaran tuntutan jika anda didapati gagal untuk mendedahkan maklumat yang relevan yang akan mempengaruhi keputusan untuk menerima atau menolak risiko, dan tentang peruntukan-peruntukan yang akan ditetapkan

pada anda.

- b) Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan Sijil Takaful Induk/ Individu anda (mana yang berkenaan) dengan mengembalikan Sijil Takaful tersebut kepada pihak Syarikat dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh pengeluaran Sijil Takaful tersebut. Sumbangan Takaful yang telah dibayar (selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan perubatan – sekiranya ada) akan dikembalikan. Syarikat akan membatalkan Sijil Takaful dengan serta-merta setelah penerimaannya dan ianya akan dianggap tidak berkuat kuasa semenjak dari tarikh dikeluarkan.
- c) Sumbangan-Sumbangan Takaful yang berikutnya mesti dibayar dalam tempoh tiga puluh (30) hari (“Tempoh Ehsan”) dari tarikh-tarikh Sumbangan Takaful perlu dibayar berdasarkan Kekerapan Sumbangan Takaful yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful Induk.
- d) Amaun PIA – Amaun PIA akan terkumpul dan pendapatan pelaburan sebenar daripada PIA mungkin berubah mengikut keadaan pasaran. Hasilnya, jumlah terkumpul di dalam PIA boleh meningkat naik atau menjadi kurang daripada jumlah Sumbangan Takaful yang dibuat ke dalam PIA (berkemungkinan menyebabkan Sijil Takaful Individu luput).
- e) Keuntungan pelaburan daripada PIA, jika ada, akan dipulangkan kepada Orang Yang Dilindungi (melalui PIA) setelah ditolak Yuran Prestasi Pelaburan sebanyak tiga puluh peratus (30%) daripada keuntungan. Walaubagaimanapun, Syarikat boleh mengikut budi bicara mengenakan caj kurang daripada tiga puluh peratus (30%) Yuran Prestasi Pelaburan dari keuntungan.
- f) Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak lima puluh peratus (50%) daripada sebarang lebihan boleh-agih kasar semasa berakhirnya Tahun Kewangan Syarikat. Lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada PIA.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful Induk untuk terma-terma dan syarat-syarat di bawah Sijil Takaful Induk ini. Helaian keterangan produk (PDS) ini mengandungi ringkasan produk dan bukan kontrak pelan Takaful. Sijil Takaful Induk akan mengatasi dokumen ini.

7) Apakah pengecualian-pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful Induk ini?

a. Pengecualian Kematian

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- i. Membunuhi diri, sama ada waras atau tidak; atau
- ii. Disebabkan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau penyakit yang disebarluaskan secara seksual; atau
- iii. Keadaan Sedia Ada.

b. Pengecualian HUMK/PPD (jika diguna pakai)

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami HUMK/PPD secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:

- i. Mencederakan diri sendiri atau sebarang percubaan ke atasnya sama ada di dalam keadaan siuman atau tidak;
- ii. Perkhidmatan ketenteraan atau tentera laut pada waktu perang yang diisyiharkan atau tidak, atau di bawah arahan bagi operasi ala peperangan atau pemulihan perintah awam;
- iii. Memasuki, mengendali atau menyelenggarakan, menaiki atau menuruni dari atau dengan sebarang peralatan atau pengangkutan udara melainkan semasa Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh syarikat penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan atau Orang Yang Dilindungi menjadi penumpang kapal terbang berlesen atau helikopter yang menyediakan perkhidmatan ke kawasan yang tiada perkhidmatan penerbangan biasa.

c. Pengecualian HB/CI (jika diguna pakai)

Tiada manfaat akan dibayar di bawah Sijil Takaful Induk ini sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami CI atau dimasukkan ke hospital yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhanya atau sebahagianya oleh salah satu daripada mana-mana kejadian yang berikut:

- i. Peperangan, penaklukan, ancaman musuh luar, permusuhan atau operasi-operasi berbentuk peperangan (sama ada peperangan diisyiharkan ataupun tidak) atau perang saudara; atau
- ii. Pemberontakan, rusuhan awam, pemberontakan tentera atau orang awam, insureksi, penentangan, revolusi, perintah berkurst atau darurat atau apa-apa jua peristiwa ataupun penyebab yang boleh menentukan pengisytiharan ataupun penyelenggaraan perintah berkurst ataupun darurat; atau
- iii. Sebarang kegiatan pengganas. Untuk tujuan ini kegiatan keganasan bermaksud perlakuan atau perbuatan, termasuklah tetapi tidak terhad kepada penggunaan sebarang kuasa atau kekerasan atau kekejaman dan/atau ancaman dari situ, oleh mana-mana orang perseorangan atau berkumpulan, sama ada bertindak secara persendirian atau bersandarkan perhubungan dengan mana-mana organisasi atau organisasi-organisasi atau kerajaan atau kerajaan-kerajaan, dilakukan atas sebab-sebab politik, keagamaan, ideologi atau sebarang niat mempengaruhi sebarang kerajaan atau organisasi dan / atau menyebabkan pihak awam, atau sebahagian darinya berada di dalam ketakutan.

d. Pengecualian OMRB (jika diguna pakai)

Manfaat-manfaat ini tidak akan meliputi dan tidak akan melindungi:

- i. Sebarang Kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
- ii. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuaian, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan Kemalangan atau kerosakan kepada penumpang;
- iii. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan Kemalangan.

e. Pengecualian MADD (jika diguna pakai)

Manfaat-manfaat ini tidak akan meliputi dan tidak akan melindungi:

- i. Sebarang Kecederaan tubuh badan yang disebabkan oleh hernia;
- ii. Tuntutan undang-undang yang dibuat di atas kecuaian, kesalahan atau keingkaran pemandu yang menyebabkan Kemalangan atau kerosakan kepada penumpang;
- iii. Jika Orang Yang Dilindungi tidak mempunyai lesen memandu yang sah untuk memandu sebuah kereta atau tidak layak untuk memegang lesen memandu yang sah semasa memandu menyebabkan

Kemalangan.

f. Pengecualian MIC (jika diguna pakai)

Manfaat MIC tidak melindungi sebarang kemasukan ke hospital yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, keseluruhannya atau sebahagiannya, oleh salah satu daripada mana-mana kejadian yang berikut:

- i. Kecederaan yang ditanggung oleh Orang Yang Dilindungi apabila melibatkan diri atau melakukan servis, menaiki atau menuruni daripada atau dengan sebarang alat penerbangan atau kenderaan termasuk terjunan udara, payung terjun, lompatan bungee, luncur udara atau belon udara kecuali apabila Orang Yang Dilindungi berada di dalam kapal terbang yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan jadual penerbangan yang teratur mengikut destinasi yang telah ditetapkan; atau
- ii. Hilang upaya bermula sebelum Tarikh Sijil Takaful Dikeluarkan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian; atau
- iii. Rawatan penjagaan harian, pembedahan kosmetik atau plastik, penjagaan dan rawatan pergigian, perubahan jantina serta eksplorasi atau eksperimen pembedahan.

Nota: Senarai ini tidak muktamad. Sila rujuk kepada Sijil Takaful Induk untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian di bawah Sijil Takaful Induk ini.

8) Bolehkah Sijil Takaful Induk ini dibatalkan?

Peserta Takaful Induk boleh membatalkan Sijil Takaful Induk dengan mengemukakan notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Selepas pembatalan, Peserta Takaful Induk/ Orang Yang Dilindungi akan layak untuk menerima sebarang baki di dalam PIA, jika ada, ditolak semua Sumbangan Takaful yang belum dibayar kepada pihak Syarikat.

9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?

Adalah penting anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada maklumat/ alamat untuk memastikan semua komunikasi perhubungan sampai kepada anda dalam jangka masa ditetapkan.

10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai 'Takaful Keluarga', sila rujuk kepada buku panduan *info insurans* mengenai 'Takaful Keluarga'. Anda boleh memperolehnya daripada wakil Takaful kami atau lawati www.insuranceinfo.com.my

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Takaful Ikhlas Family Berhad (200201025412) (593075-U)

Jabatan Pengurusan Perhubungan Pelanggan
IKHLAS Point, Tower 11A, Avenue 5, Bangsar South
No. 8 Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2723 9696

Faks: +603-2723 9998

Laman sesawang: www.takaful-ikhlas.com.my

Emel: ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my

11) Produk seumpama yang boleh didapati.

Sila hubungi kami/ wakil anda untuk pelan seumpama yang ditawarkan oleh pihak Syarikat.



NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS PELAN YANG BENAR-BENAR BERSESUAIAN DENGAN KEHENDAK ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL ANDA ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT SELANJUTNYA.

MENURUT PERENGGAN 5 DARIPADA JADUAL 9 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM 2013, JIKA ANDA MEMOHON TAKAFULINI SEPENUHNYA UNTUK TUJUAN YANG TIDAK BERKAITAN PERDAGANGAN, PERNIAGAAN ATAU PROFESION ANDA, ANDA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK MENGAMBIL LANGKAH PENJAGAAN MUNASABAH UNTUK TIDAK MEMBUAT SALAH NYATAAN SEMASA MENJAWAB SOALAN-SOALAN DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI). ANDA DIKEHENDAKI MENJAWAB SOALAN-SOALAN DENGAN LENGKAP DAN TEPAT.

KEGAGALAN UNTUK MENGAMBIL PENJAGAAN MUNASABAH DALAM MENJAWAB SOALAN-SOALAN MUNGKIN MENGAKIBATKAN PEMBATALAN KONTRAK TAKAFUL ANDA, PENOLAKAN ATAU PENGURANGAN TUNTUTAN, PERUBAHAN TERMA ATAU PENAMATAN KONTRAK TAKAFUL ANDA.

KEWAJIPAN PENDEDAHAN DI ATAS ADALAH BERTERUSAN SEHINGGA KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI.

SEBAGAI TAMBAHAN KEPADA SOALAN-SOALAN DI DALAM BORANG CADANGAN (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI), ANDA DIKEHENDAKI UNTUK MENDEDAHKAN APA-APA PERKARA LAIN YANG ANDA TAHU SEBAGAI BERKAITAN KEPADA KEPUTUSAN KAMI UNTUK MENERIMA ATAU TIDAK RISIKOINI DAN MENENTUKAN KADAR DAN TERMA YANG HENDAK DIPAKAI.

ANDA JUGA MEMPUNYAI KEWAJIPAN UNTUK SEGERA MEMBERITAHU KAMI SEKIRANYA SETELAH KONTRAK TAKAFUL ANDA DIBUAT, DIUBAH, ATAU DIPERBAHARUI DENGAN KAMI, APA-APA MAKLUMAT YANG DINYATAKAN DI DALAM BORANG CADANGANINI (ATAU APABILA ANDA MEMOHON UNTUK TAKAFULINI) TIDAK TEPAT ATAU TELAH BERUBAH.

Maklumat yang terdapat dalam Helaian Keterangan Produk ini sah pada: [Quotation Date]

Lampiran I

Butiran Sumbangan Takaful

Orang Yang Dilindungi	Bilangan Unit	Sumbangan Takaful [Mode of Payment] (RM)
[Name]	[No. of Unit]	[Takaful Contribution]
[Name]	[No. of Unit]	[Takaful Contribution]
[Name]	[No. of Unit]	[Takaful Contribution]
[Name]	[No. of Unit]	[Takaful Contribution]
[Name]	[No. of Unit]	[Takaful Contribution]
	Jumlah:	[Total Takaful Contribution]